



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

KENYATAAN AKHBAR

26 Mei 2017

PNB serah zakat lebih RM17.2 juta kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR:- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini membuat bayaran zakat perniagaan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berjumlah RM17,265,600.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). Turut hadir, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) YBhg Datuk Che Mat Che Ali, dan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat MAIWP YBrs Tuan Haji Mohd Rais Haji Alias.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Aziz Anuar

Naib Presiden Kanan

Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi

Tel : 03-2050 5810

Faks : 03-2050 5268

E-mel : aziz_a@pnb.com.my